

Tarikh Dibaca: 08 SEPT 2023M | 22 SAFAR 1445H



جَابَاتَانِ اِغَامَا اِيسْلَامِ سِلَانْغُورِ
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“BAHAYA FITNAH”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"BAHAYA FITNAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya, semoga kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Khatib ingin mengajak para jemaah sekalian untuk sama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "**BAHAYA FITNAH.**"

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Dewasa kini, pelbagai medium berita dan maklumat hanya di hujung jari. Dengan ruang yang lebih terbuka terhadap maklumat semasa, maka

¹ al-Hujurat : 6.

² ali-Imran : 102.



setiap berita yang diperolehi hendaklah ditapis dan diberi keabsahan terlebih dahulu dari pihak yang bertanggungjawab. Adalah bercanggah dengan prinsip Islam, apabila hanya menerima berita atau maklumat yang hanya disahkan dengan hati yang penuh kebencian, dendam, kemarahan dan pertimbangan secara membuta tuli. Ini suatu perbuatan yang berlawanan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 6 yang telah dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."

Ayat ini perlu kita amati dan amalkan bagi mengelakkan serta menjauhkan diri dari amalan fitnah yang sentiasa berlegar dalam kalangan umat Islam pada hari ini.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Fitnah menurut bahasa bermaksud malapetaka, ujian dan cubaan. Mengikut Kamus Dewan fitnah adalah satu bentuk tuduhan atau cerita yang dibuat-buat serta direka-reka bagi memburukkan seseorang bagi tujuan melahirkan kebencian, menjatuhkan reputasi dan kesan negatif terhadap seseorang individu atau pihak tertentu.

Setiap manusia dilarang sama sekali melakukan perbuatan fitnah ini kerana kesan yang terlalu buruk yang boleh dibawa terhadap masyarakat akibat fitnah. Amalan fitnah memfitnah adalah punca kepada kegagalan kesatuan ummah dan pembinaan tamadun mengikut acuan Islam, malah mengundang kemurkaan Allah SWT dan memusnahkan cita-cita mencapai keselamatan atau kejayaan. Uqbah bin 'Amir Radiallahuanhu menceritakan:



قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ! مَا النَّجَاةُ؟ قَالَ: "أَمَلِكُ عَلَيْكَ
لِسَانِكَ، وَلَيْسَعُكَ بَيْتُكَ، وَابْنُكَ عَلَى خَطِيئَتِكَ"

"Aku bertanya: "Wahai Rasulullah! Apakah membuatkan kita selamat? Baginda menjawab: "Jagalah lisanmu, hendaklah rumahmu membuatmu lapang dan menangislah kerana dosa-dosamu."

(Riwayat al-Tirmizi).

Berdasarkan hadis tersebut, sebagai seorang muslim yang mengaku beriman hendaklah menjaga lisannya daripada terjebak dengan budaya fitnah yang sangat merbahaya dan kejam. Lisan yang tidak terlibat dengan sebarang budaya fitnah akan menyelamatkan seseorang muslim itu daripada di azab oleh Allah SWT. Menjaga lisan boleh membawa umat Islam menjadi orang yang selamat di hadapan Allah SWT. Jagalah tangan-tangan kita dari menumpahkan darah sesama saudara se-Islam, sama ada dengan menyakiti, melukai, atau membunuh seorang muslim lainnya.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Di akhir zaman ini, kejayaan individu atau ummah seluruhnya adalah kejayaan menyelamatkan diri dari terjebak dengan perbalahan dan fitnah. Fitnah yang berlaku sebegini rupa pada hari ini disebut sebagai Fitnah Syubhat. Fitnah Syubhat bererti samar-samar atau tidak jelas. Dalam Fitnah Syubhat, seseorang menjadi rosak ilmu dan keyakinannya sehingga menjadikan perkara makruf menjadi samar dengan kemungkaran, sementara kemungkaran sendiri tidak dihindari. Fitnah Syubhat merupakan fitnah paling berbahaya kerana kurangnya ilmu dan lemahnya pengamatan mata hati, ketika diiringi dengan niat buruk dan hawa nafsu maka timbullah fitnah besar dan keji. Fitnah Syubhat membawa kepada persepsi kekafiran dan kemunafikan yang menjadi sebab perpecahan. Rasulullah SAW amat



bimbang tentang Fitnah Syubhat, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Barzah Al-Aslami bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya di antara yang aku takutkan atas kamu adalah syahwat mengikuti nafsu pada perut kamu dan pada kemaluan kamu serta fitnah-fitnah yang menyesatkan."

(Riwayat Ahmad).

Pada hari ini, kita lihat fitnah sentiasa berlegar di segenap medium media massa dan perantara. Janganlah kita rosakkan diri kita dengan amalan buruk ini. Janganlah jadikan diri kita sebagai salah seorang individu yang menjadi kepada penyebar fitnah. Jadilah manusia yang sentiasa membawa berita yang benar dan sentiasa menjauhi fitnah.

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Rasulullah SAW merupakan ikon dan suri tauladan yang terbaik bagi seluruh umat Islam di dunia. Walaubagaimanapun, Baginda tidak sunyi daripada difitnah bahkan jauh lebih berat berbanding kita. Akan tetapi, Rasulullah SAW tidak pernah menyimpan dendam dan Baginda menghadapi fitnah-fitnah tersebut dengan tenang berlandaskan ajaran Islam menerusi al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, sebagai ikutan yang terbaik maka umat Islam hendaklah mengambil sikap yang digariskan oleh Islam dalam menerima sesuatu berita untuk menghindari fitnah, antaranya:

Pertama: Kita perlu hindari dan menolak tuduhan yang bersifat prasangka. Ini kerana prasangka menjadi perhatian pihak lawan mahupun kawan. Hindarilah dari melakukan perkara yang boleh menimbulkan prasangka buruk.

Kedua: Jangan sekali-kali menerima sesuatu perkara tanpa ada bukti atau sokongan yang kukuh. Setiap berita yang tidak disertakan dengan bukti atau dalil haruslah ditolak oleh setiap umat Islam.



Ketiga: Sebagai muslim yang beriman, janganlah kita mengikut hawa nafsu dengan menokok tambah berita yang tidak benar. Ini menyebabkan individu dan ummah terjerumus ke dalam lembah kehancuran dan kemusnahan.

Keempat: Kita hendaklah menjauhi sikap suka membalas berita bohong dengan berita bohong yang lain dan membalas perkara yang dusta dengan perkara lain yang serupa.

Hadirin sekalian,

Sejak akhir-akhir ini, pelbagai fitnah dan cerita palsu yang telah dilemparkan serta disebar oleh pihak tertentu terhadap dasar dan tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan dan pihak berkuasa agama. Antara contoh fitnah yang telah dilemparkan adalah pihak kerajaan dan MAIS dikatakan telah menghalang usaha-usaha dakwah apabila peruntukan undang-undang dan keputusan-keputusan Majlis Agama Islam Selangor mengetatkan syarat-syarat keperluan tauliah mengajar di Selangor dikuatkuasakan. Begitu juga dalam hal tindakan kerajaan dan pihak MAIS dan JAIS melaksanakan pemutihan sekolah-sekolah tahfiz swasta dan persendirian dengan mengarahkan pendaftaran bagi tujuan keseragaman kurikulum dengan mengikut fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Langkah-langkah yang diambil oleh pihak MAIS dan JAIS bagi menjamin keselamatan tempat tinggal dan tatakelola yang lebih baik serta keselesaan bagi para pelajar ini ditohmah sebagai suatu tindakan mahu menutup sekolah-sekolah agama oleh kerajaan dan MAIS dan JAIS. Tindakan kerajaan membuat penyusunan semula guru Kafa turut telah digembar-gemburkan sebagai cara kerajaan mahu menutup sekolah-sekolah agama di Negeri Selangor. Adakah tuduhan-tuduhan liar ini adalah cara yang diajarkan oleh Nabi SAW kepada kita semua?



Dalam hal ini, mimbar ingin menegaskan, berhentilah dari melemparkan fitnah dan tohmahan ini semua. Mimbar juga berpesan, sebelum membuat sebarang kenyataan dapatkanlah fakta yang tepat sebelum melontarkan sebarang tohmahan yang tidak berasas kerana dibimbangi perbuatan sebegini akan merisaukan para ibubapa dan boleh menghakis kepercayaan orang ramai terhadap Institusi Agama dan Pihak Berkuasa Agama khususnya di negeri Selangor ini.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita mengambil ibrah dengan menghayati isi kandungannya agar dapat dijadikan panduan serta pedoman hidup:

1. Umat Islam hendaklah menjauhi perbuatan fitnah kerana ianya tidak akan memberi kejayaan kepada umat Islam di dunia mahupun di akhirat nanti.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa melaksanakan 'Tabayyun' dalam setiap berita yang diperolehi melalui pihak yang berautoriti dan pihak yang lebih mengetahui.
3. Umat Islam hendaklah sedar bahawa amalan fitnah akan memecahbelahkan masyarakat seterusnya membawa kepada kehancuran seluruh umat Islam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً ۖ وَاعْلَمُوا أَنَّ
اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

"Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di



antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum) dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksa-Nya.”

(al-Anfal : 25).

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ



يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَهْلِكَ
الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَجِّ ابْنِ الْمَرْحُوْمِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَجِّ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعَكَوْ اَمِيْرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk

dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

٧٤

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.